

**CIRI-CIRI USAHAWAN DAN KORPORAT MELAYU TERPUJI DI
DALAM RIMBA HARAPAN DAN SAUDAGAR BESAR DARI
KUALA LUMPUR**
***THE OUTSTANDING POSITIVE CHARACTERISTICS OF THE MALAY
CORPORATE FIGURES IN RIMBA HARAPAN AND SAUDAGAR BESAR
DARI KUALA LUMPUR***

Abdul Ghani Abu

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
a.gani@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Fokus makalah ini untuk membincangkan ciri-ciri positif watak koporat atau usahawan Melayu terpuji yang terdapat di dalam Rimba Harapan dan Saudagar Besar dari Kuala Lumpur hasil tulisan Sasterawan Negara Keris Mas yang boleh dijadikan contoh yang baik untuk generasi muda. Tidak semua ciri-ciri seseorang ahli koporat berbentuk negatif. Keris Mas ingin menonjolkan nilai-nilai yang positif yang terpuji dan bersifat sejagat serta mulia untuk membantu insan lain tetapi tidak terserlah disebabkan pandangan masyarakat yang lebih terarah kepada ciri-ciri ahli koporat yang kaya selalunya bersifat negatif dan tidak perlu ditiru. Artikel ini turut membincangkan ciri-ciri ahli-ahli koporat atau usahawan Melayu yang positif, berbakat dan berkebolehan ini untuk menjadikan bangsa Melayu sebagai satu kuasa ekonomi yang signifikan.

Kata Kunci: Kuasa ekonomi, Watak koporat, Nilai sejagat

ABSTRACT

*The focus of this article is to discuss the outstanding positive characteristics of the Malay corporate figures in *Rimba Harapan (Jungle of Hope)* and *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (Big Businessman from Kuala Lumpur)* written by National Laureate Keris Mas which can be become good examples for the younger generation. Not all characteristics of corporate figures are negative. Keris Mas wanted to highlight positive traits which are of universal values to help people but were shadowed by the society's perception that the rich people's values are only negative and cannot be emulated. The article also discusses these values which can help the Malays to be a significant economic power.*

Keywords: Economic power, Corporate figures, Universal values

PENGENALAN

Secara ringkasnya novel yang menjadi fokus makalah ini ialah novel yang amat menarik membincangkan perkara yang mungkin agak asing kedengaran untuk sesetengah pihak. Topik perniagaan memang secara tradisinya bukannya 'forte' orang Melayu disebabkan sedikit sebanyak oleh dasar pecah dan perintah pihak penjajah. Apabila membincangkan ciri-ciri keperibadian seseorang tokoh korporat selalunya yang difokus adalah yang bersifat negatif seperti tamak haloba, kedekut dan sebagainya. Namun begitu Keris Mas cuba mencerminkan keperibadian yang baik dan patut diteladani di dalam watak-watak tokoh korporatnya. Dua novel yang dipilih untuk analisis perbincangan kali ini mempunyai banyak aspek persamaannya untuk diteliti.

Pihak penjajah secara umumnya mengamalkan dasar pecah dan perintah untuk memudahkan mereka mentadbir Tanah Melayu sebelum memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Besar kemungkinan mereka mengambil iktibar dari kesusahan yang dialami oleh pihak Belanda dalam mentadbir negara Indonesia. Secara kebetulan atau pun tidak kerana faktor ekonomi, pada awal abad ke 20, buruh murah dari

India untuk mengerjakan ladang-ladang getah dan buruh murah dari China untuk mengerjakan lombong-lombong bijih timah telah dibawa masuk dengan begitu ramai sekali. Mungkin juga dari aspek keselamatan dan pentadbiran pihak penjajah telah mengasingkan kaum Melayu terus tinggal di kampung-kampung tradisi, kaum China di kekalkan di kampung-kampung baru dan pekan sementara kaum India dihimpunkan di estet-estet.

Keris Mas telah menggunakan latar belakang keadaan sosiopolitik ini dalam banyak karya beliau seperti “*Rimba Harapan*” dan “*Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*” yang akan dibincangkan dalam makalah ini. Keris Mas menggunakan watak Zaidi dalam “*Rimba Harapan*” dan En Muhammad dalam “*Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*”.

Watak-Watak Ahli Korporat atau Usahawan Melayu

Di dalam novel “*Rimba Harapan*” yang telah dialihbahasakan ke dalam Bahasa Inggeris oleh Adibah Amin sebagai “*Jungle of Hope*”, Zaidi adalah salah seorang watak utama selain dari abangnya, Pak Kia. Zaidi mendokong watak tokoh korporat atau ahli usahawan yang berjaya dengan mempunyai wawasan yang jauh ke hadapan dan mempunyai hasrat membantu bangsanya yang agak jauh ketinggalan berbanding bangsa atau kaum lain dalam bidang ekonomi. Manakala di dalam novel “*Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*”, juga telah dialihbahasakan ke dalam Bahasa Inggeris sebagai “*The Big Businessman from Kuala Lumpur*,” watak ahli korporat terdapat dalam watak En Muhammad, seorang ahli perniagaan yang sangat berjaya dan juga mempunyai wawasan seperti Zaidi yang ingin melihat bangsanya berjaya di tanah air sendiri.

Ciri-Ciri Ahli Korporat Melayu Keris Mas

Sebagai seorang ahli korporat yang berjaya, ada beberapa ciri atau sifat peribadi yang mempunyai persamaan di antara kedua-dua Watak atau usahawan tersebut;

Mempunyai kecekan dan tidak jemu berusaha untuk kebaikan anak bangsa sendiri

Zaidi di dalam “*Rimba Harapan*”, tidak bersikap seperti kebanyakan penduduk Ketari yang lain mengambil jalan mudah untuk mendapatkan kemewahan tetapi sebaliknya berusaha untuk mendapatkan kesenangan material. Sebaliknya orang-orang kampung. “...hanya tahu duduk senang. Mereka tidak mahu kerja kuat. Memetik pucuk paku pun adalah satu kerja bagi mereka.” (Keris Mas, 2000:34).

Apabila Ketari dilanda banjir besar, kebanyakan penduduk mengambil jalan mudah dengan menjualkan tanah kepada Tuan Pekok yang memang mahukan tanah bendang mereka untuk dijadikan lombong bijih timah. Mereka tidak mahu berpakat mengusahakan dengan mencuba semula menanam padi. Oleh kerana itu, walaupun pada mulanya Pak Kia tidak mahu menjual tanah sawahnya, beliau terpaksa mengaku kalah kerana hanya beliau dan Pak Abu yang sanggup terus berusaha menanam padi. Akhirnya beliau berpindah ke Janda Baik mencuba nasib membuka tanah hutan untuk memulakan hidup baharu. Walaupun cuba dipujuk oleh Zaidi tetapi disebabkan orang lain telah menjual tanah mereka, apa daya mereka berdua untuk menanam padi semula kerana tiada bekalan air yang diperlukan untuk mengusahakan tanah sawah. En Muhammad pula berusaha memujuk penduduk kampung berpindah ke rancangan FELDA demi untuk menjamin masa depan yang lebih baik tetapi disalahanggap pula oleh kebanyakan orang termasuk anaknya sendiri yang menentang rancangan Encik Muhammad membeli tanah kampung untuk membuka ladang menanam rempah untuk diekspot keluar negara.

Kecekan dua-dua watak ini dan kegigihan mereka merupakan salah satu cirri seorang koporat atau usahawan yang berjaya menurut Mohd Zabidi (1994:8). Kedua-dua watak tidak jemu berusaha mencari jalan untuk mencapai matlamat dan mengatasi halangan yang ada. Apabila Ketari dilanda banjir dan Pak Kia tidak mempunyai punca pendapatan untuk menyara kehidupan keluarganya, Zaidi tanpa banyak soal terus membantu Pak Kia.

Untuk memulakan semula menanam padi beliau sedia membelikan Pak Kia beberapa ekor kerbau untuk membantu Pak Kia membajak tanah sawah dalam usaha beliau menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Pak Kia untuk mengerjakan tanah sawah apabila ramai orang kampung meninggalkan kerja menanam padi.

Mempunyai Inisiatif Dan Wawasan Yang Terkehadapan

Di dalam “Rimba Harapan” atau “Jungle of Hope”, Zaidi keseorangan bila berpendapat masa hadapan ekonomi orang Melayu sepatutnya tidak terlalu bergantung kepada kegiatan ekonomi turunturun seperti menanam padi, yang memangnya tidak mampu menyara kehidupan seharian seperti orang China. (Keris Mas, 2000:34). Mereka sebaliknya perlulah menjadi seorang usahawan dengan menceburi dunia perniagaan di samping mempelbagaikan kegiatan ekonomi dengan mula menanam pokok getah. Kegiatan ekonomi berteraskan getah lebih memberikan pulangan yang lebih munasabah dan lebih menguntungkan dalam jangka masa panjang.

Namun, seperti kebanyakan orang yang tidak mahu mencuba sesuatu yang baharu atau tidak mahu mencuba sesuatu di luar kebiasaan, cadangan ini dipandang sepi termasuk abang Zaidi sendir, Pak Kia yang tetap mempertahankan aktiviti pertanian tradisi sehingga sanggup berpindah ke Janda Baik meneroka tanah hutan. En Muhammad juga mempunyai wawasan yang jauh ke hadapan jika dibandingkan dengan orang lain. Beliau melihat betapa orang-orang Melayu perlu menggembeling tenaga memperkukuhkan ekonomi sebelum dapat bersaing dengan orang lain. Beliau mahu rang-orang Melayu berjaya. Satu caranya ialah dengan menyertai FELDA. Beliau memujuk Ketua-Ketua Kampung supaya mengajak anak-anak buah masing-masing menyertai tanah-tanah rancangan FELDA. Malangnya niat baik beliau disalahertikan oleh pelbagai pihak termasuk anak beliau sendiri yang sedang belajar di London. Rahim berpendapat ayahnya itu hanya mahu mombolot semua tanah orang kampung dengan membeli tanah-tanah orang kampung dan menyuruh mereka menyertai FELDA.

Sudin, pekerja En Muhammad sendiri bertegas menghalang niat En Muhammad dengan bekerjasama dengan Lebai Maarup menghalang En Muhammad membeli tanah ayahnya walaupun tanahnya itu akan digantikan dengan sekeping tanah baharu di Pekan Tualang. Mereka tidak dapat melihat kewarasan idea En Muhammad untuk memperbaiki tahap ekonomi penduduk kampung, bukannya hendak berlaku kejam menghalang penduduk kampung dari maju ke hadapan atau pun hendak membolot semua tanah-tanah orang kampung dijadikan projek tanaman rempah.

Menurut Abdul Aziz et al (2011:17), kedua-dua watak usahawan ini mempunyai daya inisiatif yang tinggi yang merupakan salah satu ciri-ciri seorang usahawan atau seorang koporat yang berjaya. Seseorang yang berinisiatif tinggi biasanya mempunyai niat untuk sentiasa berusaha secara berterusan dan tidak akan berputus asa dan sentiasa berusaha meneroka bidang baharu. Inilah yang dilakukan oleh Zaidi dengan perusahaan tanam getahnya ataupun Encik Muhammad dengan berusaha membuka ladang rempahnya supaya hasilnya nanti boleh diekspot ke luar negara.

Bersikap Rendah Diri Dan Suka Membantu

Salah satu ciri yang agak bertentangan dengan ciri-ciri watak koporat yang negatif seperti yang selalu dipaparkan oleh Allahyarham Tan Sri P.Ramlee dalam watak orang kaya dalam karekter Haji Bakhilnya atau pun dalam watak orang kaya dalam "Ibu Mertuaku" dan "Antara Dua Darjat" ialah sombong dan meninggi diri.

Dalam watak Zaidi, beliau digambarkan sebagai seorang yang tidak menunjukkan kekayaan beliau (Keris Mas, 2000:18); "Beberapa tahun yang lalu, pakaiannya adalah sehelai sarong, sehelai jaket melayu yang longgar atau jaket khaki dengan lima butang dan sebuah songkok, songkok baldu hitam. Hari ini, pakaiannya masih sama kecuali [hanya ini sahaja kelainannya] di tempat di mana terletaknya sebuah jam yang mempunyai rantai putih, kini dia memakai jam emas 14 karat dengan rantai emas 14 karat...Dulu dia memakai capal kasut kulit tradisi. Dia masih lagi

memakai capal. Masih lagi menunggang basikal lamanya, berjenama Huxson Axe dengan pelantar besar dibelakang”.

Beliau juga digambarkan sebagai seorang yang sentiasa memikirkan bagaimana cara untuk memajukan orang kampung. Contohnya apabila beliau berusaha menolong Tutung dan Tapa. “Saya sudah berjanji kepada Tutung dan Tapa yang mereka boleh terus tinggal di tanah itu dan terus mengerjakan sawah tu selama mana mereka mahu, macam hak mereka sendiri. Saya tidak mahu mereka masuk ke dalam hutan. Duit yang saya bayar pada mereka saya cadangkan mereka labur dalam tanaman getah di Batu Lima” (Keris Mas, 2000:40) Apabila Zaidi mendapat tempahan untuk membeli buluh untuk kegunaan lombong bijih timahnya, Zaidi meminta orang kampung mencari buluh untuk dijual kepadanya. Zaidi boleh mengambil jalan mudah dengan mendapatkannya dari orang asli dengan harga lebih mudah, tetapi dengan mempunyai niat untuk membantu orang kampungnya, beliau sanggup membayar lebih sedikit kepada mereka kerana penduduk kampung lebih perlukan duit untuk membeli barang-barang keperluan (Keris Mas, 2000:230).

Berkeupayaan Memimpin Masyarakat

Zaidi dianggap sebagai seorang yang berpengaruh di Ketari walaupun tidak menjadi seorang Penghulu. Beliau sentiasa dilibatkan membuat sebarang keputusan dalam apa sahaja situasi walaupun dengan kehadiran Penghulu. Beliau secara tidak langsung dianggap pemimpin oleh orang kampung Ketari dan ini termasuklah penduduk Janda Baik yang menerima baik cadangan dan usul beliau supaya bergotong royong membina jalan agar hasil pertanian boleh diangkut menggunakan basikal dibawa keluar untuk dijual. Rasa hormat penduduk kampung terhadap beliau agak tinggi walaupun tidak berjawatan.

Begitu juga Encik Muhammad dianggap seorang pemimpin bila beliau diminta menolong orang kampung oleh Yang Berhormat sendiri yang mengharapkan kepimpinan Encik Muhammad dalam menyelesaikan masalah ekonomi penduduk kampung. Bagi kedua-

dua watak yang dihormati masyarakat ini masing-masing mengamalkan sistem pengurusan strategik (Zainal Abidin, 1998). Kedua-duanya bertindak cemerlang dan tidak terburu-buru dalam menanggapi apa jua masalah yang timbul. Pengurusan masalah dilakukan dengan tertib dan berhemah supaya akhirnya semua pihak dapat menerima keputusan yang dibuat bersama (Abdul Aziz, et al, 2011; Jaafar Muhammad, 2003).

Cuma ada satu perbezaan antara dua watak ini di mana Encik Muhammad mempunyai peluang untuk menggantikan ayahnya sebagai Orang Kaya Wilayah Sungai Tualang (Mohd. Zabidi, 1994:8). Cuma beliau agak tidak berminat. Tuanku Sultan tidak berkenan dengan calon yang layak iaitu Mahmud, anak sulung Datuk Idris kerana Mahmud tidak mempunyai pelajaran yang tinggi. Tambahan pula, sebagai seorang Penghulu, Mahmud sudah merasakan jawatan yang disandangnya itu sudah mencukup dengan pendapatan bulanan yang memang sudah terjamin (Mohd Zabidi, 1994:8).

Mungkin juga En Muhammad merasakan sebagai seorang ahli usahawan atau korporat yang berjaya, beliau sudah boleh melakukan apa yang beliau mahukan tanpa menjadi seorang pemimpin yang dilantik. Atau juga sebagai salah satu strategi beliau agar beliau tidak bermusuhan dengan calon lain yang berminat. Tujuan En Muhammad yang ikhlas hendak membantu orang kampung masih tetap terlaksana tanpa memegang sebarang jawatan lantikan. Apabila Yang Berhormat Mhd. Yusuf menghadapi masalah dalam membangunkan tanah di dalam kawasan pilihanrayanya, beliau berjumpa En Muhamamd memohon bantuan kerana "...Encik Muhammad boleh menyelesaikan masalah yang mungkin akan ditimbulkan oleh Tauke Chan" (Mohd. Zabid, 1994:47). Walaupun beliau bukan orang yang sepatutnya bertanggungjawab di atas kebajikan orang kampung, tetapi ada kalanya En Muhammad turut memikirkannya. "Masalah penduduk Kampung Pulau turut difikirkannya. Hatinya berkata, mereka seharusnya dibela, diberi tanah" (Mohd Zabidi, 1994:71).

KESIMPULAN

Personaliti seorang usahawan atau ahli korporat selalunya digambarkan bersifat negatif kerana dikatakan hanya tahu mengejar keuntungan seperti yang digambarkan dalam filem-filem P. Ramlee. Namun begitu, Keris Mas mengambil usaha memaparkan ciri-ciri korporat atau usahawan Melayu yang bersifat positif dan sentiasa mendahulukan bangsa dan kepentingan orang lain. Nilai-nilai murni yang baik dan boleh dijadikan teladan inilah yang mendasari watak-watak usahawan atau korporat dalam dua novel Keris Mas iaitu “*Rimba Harapan*” dan “*Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*”. Tentunya personality beginilah yang boleh menjadi asas untuk memperkuatkan bidang ekonomi orang Melayu secara keseluruhannya.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Ab Latif, Mohd Abdullah Jusoh, Mohd Azlan Yahya, Osman Jusoh dan Syahira Hamidon. (2011). *Asas keusahawanan dan pengurusan*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Jaafar Muhammad. (2003). *Asas pengurusan*. (3rd Ed.) Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Keris Mas. (2000). *Jungle of Hope* – alihbahasa *Rimba Harapan* oleh Adibah Amin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zabidi Badar (1994). *Keris Mas – Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* – Edisi ringkas. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Mohamed. (1998). *Pengurusan strategik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.